

**PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK
BADAN KHAIRAT KEMATIAN SURAU AL-FALAH**

FASAL 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

BADAN KHAIRAT KEMATIAN SURAU AL-FALAH

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama :

(3) Taraf Pertubuhan : **Lain-lain**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**SURAU AL-FALAH, PERDANA COLLEGE HEIGHTS, PAJAM
71700 MANTIN
NEGERI SEMBILAN**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**SURAU AL-FALAH, PERDANA COLLEGE HEIGHTS, PAJAM
71700 MANTIN
NEGERI SEMBILAN**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

1. Menguruskan jenazah orang Islam di kawasan kariah.

2. Memberi bantuan perbelanjaan pengkebumian apabila berlaku kematian ahli atau tanggungnya.

3. Mengurus perbelanjaan berkaitan pengurusan dan pembelian peralatan

pengurusan jenazah.

4. Membangunkan prasarana yang dapat memberi manfaat kepada ahli.

FASAL 4 KEAHLIAN

1. (a) Ahli Biasa Pertubuhan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur antara 21 hingga 60 tahun yang menetap di PERDANA COLLEGE HEIGHTS, RUMAH PANGSA RAKYAT PAJAM dan BUKIT CITRA. Penduduk-penduduk di luar kawasan ini tidak boleh diterima menjadi ahli.

1. (b) Ahli Bawah Umur terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 16 hingga 20 tahun yang menetap di PERDANA COLLEGE HEIGHTS, RUMAH PANGSA RAKYAT PAJAM dan BUKIT CITRA, di mana mereka tidak boleh memegang jawatan atau menjadi pemegang amanah dalam Pertubuhan ini.

2. Seseorang yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon dan mendaftar nama, umur dan alamatnya kepada Setiausaha.

3. Setiausaha hendaklah memproses permohonan keahlian dan membawanya untuk pertimbangan Jawatankuasa. Mesyuarat Jawatankuasa berhak menolak sesuatu permohonan untuk menjadi ahli tanpa sebarang sebab.

FASAL 5 SUMBER KEWANGAN

1. Tiap-tiap ahli hendaklah membayar yuran tahunan sebanyak RM 60 (Ringgit Malaysia: ENAM PULUH SAHAJA kepada Bendahari tidak lewat daripada 31 Mac setiap tahun.

2. Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada dua bulan selepas tempoh yang ditetapkan pada fasal 5(1) akan diberikan surat peringatan oleh Bendahari. Jika ahli itu masih tidak membayar hutangnya dalam tempoh satu bulan daripada tarikh peringatan dikeluarkan, maka beliau hendaklah dianggap berhenti menjadi ahli dan tidak berhak mendapat apa-apa bantuan.

3. Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

4. Pertubuhan ini dibenarkan untuk menerima sumbangan dalam apa-apa bentuk dan sumbangan yang diterima hendaklah diisytiharkan di dalam Penyata Tahunan Pertubuhan.

5. RM 4.80 daripada yuran tahunan atau RM 0.40 daripada yuran bulanan atau sepuluh peratus (10%) daripada sumbangan ataupun apa-apa pendapatan lain boleh digunakan untuk apa-apa perbelanjaan pentadbiran pertubuhan.

6. Segala sumber kewangan setelah ditolak jumlah yang dibenarkan untuk tujuan pentadbiran, hendaklah dimasukkan ke dalam wang tabungan.

FASAL 6 WANG TABUNGAN

1. Wang Tabungan Pertubuhan ini hendaklah digunakan semata-mata seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3 perlembagaan ini.
2. Wang Tabungan hendaklah disimpan dalam akaun di bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa dan akaun bank itu hendaklah atas nama Pertubuhan.
3. Lima puluh peratus daripada kumpulan-kumpulan wang Pertubuhan yang tidak segera dikehendaki untuk membayar faedah bolehlah dilaburkan dalam sekuriti amanah, atau dengan persetujuan Pendaftar atas syarat-syarat sebagaimana yang dikenakannya, bagi membeli tanah.

FASAL 7 BANTUAN KEWANGAN

1. Wang bantuan belanja pengkebumian sebanyak RM1,300 (Ringgit Malaysia: SATU RIBU TIGA RATUS sahaja) akan dikeluarkan apabila berlaku kematian ahli atau tanggungan ahli.
2. Wang bantuan belanja pengkebumian sebanyak RM500 (Ringgit Malaysia: LIMA RATUS sahaja) akan dikeluarkan apabila berlaku kematian dalam kandungan yang telah cukup sifat (oleh ahli atau tanggungan ahli) yang memerlukan urusan pengkebumian.

FASAL 8 SYARAT BANTUAN

Wang bantuan belanja pengkebumian akan dibayar atas kematian ahli dan tanggungan ahli dengan syarat ada permit mengubur/surat pengesahan doktor yang sah. Bagi kematian tanggungan, bantuan akan dibayar kepada ahli dan bagi kematian ahli sendiri, bantuan akan dibayar kepada warisnya.

FASAL 9 JAWATANKUASA

1. Sebuah Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung yang diadakan setiap dua tahun sekali:

(a) Seorang Pengerusi;

- (b) Seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) Seorang Setiausaha;
- (d) Seorang Penolong Setiausaha;
- (e) Seorang Bendahari; dan
- (f) Dua orang Ahli Jawatankuasa.

2. Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.

3. Nama-nama untuk mengisi jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung yang diadakan setiap dua tahun sekali. Semua pegawai boleh dipilih semula setiap dua tahun semasa Mesyuarat Agung.

4. Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengatur kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa tidak boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agung dan mengemukakan laporan kegiatannya kepada Mesyuarat Agung.

5. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga (3) bulan. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa tujuh hari (7) hari terlebih dahulu. Pengerusi secara bersendirian atau tidak kurang daripada dua (2) orang Ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan Ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

6. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada Ahli-ahli Jawatankuasa secara edaran. Syarat-syarat seperti di bawah ini mestilah dipenuhi sebelum keputusan dibuat:

- (a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan jelas dalam surat yang diedarkan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa;
- (b) Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan Ahli Jawatankuasa hendaklah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan
- (c) Keputusan hendaklah melalui kaedah undi majoriti. Setiap keputusan yang

diperolehi melalui kaedah surat edaran hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada Mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan dalam minit mesyuarat.

7. Ahli Jawatankuasa yang tidak menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa sebanyak tiga (3) kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah hendaklah dianggap sebagai telah meletak jawatan.

8. Jika seorang Ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletak jawatan, calon yang kedua yang mendapat undi terbanyak dalam pemilihan yang lalu hendaklah ditawarkan untuk mengisi kekosongan itu. Jika calon sedemikian tidak ada atau menolak tawaran jawatan tersebut, maka Jawatankuasa diberi kuasa melantik ahli yang lain bagi mengisi kekosongan tersebut sehingga Mesyuarat Agung diadakan.

9. Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan dan melantik Pengurusan serta kakitangan lain yang difikirkan mustahak. Jawatankuasa juga boleh menggantung atau melucut jawatan mana-mana pengurus atau kakitangan kerana cuai menjalankan tugas, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab lain yang boleh menjejaskan kepentingan Pertubuhan.

10. Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberi tugas khas kepada ahli-ahli Jawatankuasa itu.

11. Jawatankuasa adalah bertanggungjawab memelihara keselamatan semua dokumen Pertubuhan pada setiap masa serta hendaklah menyerahkan dengan lengkap kepada Jawatankuasa baru apabila berlaku perubahan kepimpinan hasil Mesyuarat Agung.

FASAL 10 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

1. Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung. Beliau mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani minit mesyuarat setelah ia disahkan.

2. Timbalan Pengerusi hendaklah membantu Pengerusi menyelia urusan pentadbiran Pertubuhan dan memangku tugas Pengerusi semasa ketiadaannya.

3. Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran mengikut Perlembagaan dan melaksanakan semua keputusan Mesyuarat Agung serta Mesyuarat Jawatankuasa. Beliau bertanggungjawab mengurus serta menyimpan semua dokumen Pertubuhan berkaitan Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Agung, notis-notis dari Pendaftar Pertubuhan, sentiasa mengemaskini buku daftar ahli. Setiausaha hendaklah memastikan Buku daftar ahli mengandungi butir-butir seperti berikut: Bil. Siri, Nama Ahli, Tarikh Menjadi Ahli, Umur/Tarikh Lahir, No. Kad Pengenalan dan Alamat.

4. Penolong Setiausaha akan membantu Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya

serta memangku tugas semasa ketiadaannya.

5. Bendahari bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan. Beliau hendaklah memastikan segala yuran Pertubuhan dipungut, mengemaskini buku yuran dan buku kira-kira wang masuk dan keluar pertubuhan. Bendahari juga hendaklah bertanggungjawab di atas ketepatan:

(a) Penyata Kira-Kira Bulanan; dan

(b) Penyata Kira-Kira Tahunan yang diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit yang dilantik oleh Mesyuarat Agung.

(c) Bendahari tidak dibenarkan menyimpan wang tunai dalam tangan melebihi RM2,500 (Ringgit Malaysia: DUA RIBU LIMA RATUS SAHAJA) pada bila-bila masa. Semua wang yang lebih daripada itu hendaklah dimasukkan ke dalam akaun bank yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa. Akaun bank itu hendaklah atas nama Pertubuhan.

6. Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua wang yang diterima dan dibayar serta diberi kuasa menandatangani cek-cek bagi pihak Pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi atau Setiausaha.

7. Ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa dan membantu pegawai-pegawai di atas itu menjalankan tugas-tugas mereka.

FASAL 11 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

1. Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada Mesyuarat Agung. Sekurang-kurangnya tiga (3) kali ganda jumlah ahli Jawatankuasa hendaklah hadir dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum mesyuarat.

2. Jika korum mesyuarat tidak cukup selepas setengah jam mesyuarat bermula, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke satu tarikh tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh mesyuarat tersebut. Jika korum mesyuarat tidak cukup selepas setengah jam mesyuarat yang ditangguhkan itu bermula, maka ahli-ahli yang hadir boleh meneruskan mesyuarat tersebut tetapi tidak boleh meminda Perlembagaan Pertubuhan.

3. Mesyuarat Agung Pertubuhan hendaklah diadakan dalam tempoh dua puluh empat (24) bulan daripada tarikh Mesyuarat Agung yang terakhir diadakan. Mesyuarat Agung hendaklah diadakan pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Agenda Mesyuarat Agung adalah seperti berikut:

(a) mengesahkan Minit Mesyuarat Agung yang lalu;

(b) menerima Laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan pertubuhan dalam tahun yang lalu;

(c) menerima Laporan Bendahari dan Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit bagi tahun yang lalu;

(d) memilih Ahli-ahli Jawatankuasa dan melantik Juruaudit untuk tahun yang akan datang; dan

(e) menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan dalam mesyuarat itu.

4. Setiausaha hendaklah mengingatkan ahli tentang mesyuarat, sekurang-kurangnya empat belas hari (14) sebelum Mesyuarat Agung diadakan melalui hebahan di papan kenyataan surau dan medium lain yang difikirkan perlu.

5. Setiausaha hendaklah menghantar kepada setiap ahli satu salinan Minit Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

FASAL 12 MESYUARAT AGUNG KHAS

1. Mesyuarat Agung Khas Pertubuhan boleh diadakan:

(a) difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau

(b) atas permintaan ramai dengan secara bertulis oleh tidak kurang satu perlima (1/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan memberi sebab-sebab yang munasabah mengapakah mesyuarat itu perlu diadakan. Permintaan ini hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan.

2. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu diterima.

3. Setiausaha hendaklah mengingatkan ahli tentang mesyuarat, sekurang-kurangnya empat belas hari (14) sebelum Mesyuarat Agung diadakan melalui hebahan di papan kenyataan surau dan medium lain yang difikirkan perlu.

4. Fasal 11(1) dan 11(2) Perlembagaan berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas itu bermula, maka Mesyuarat Agung Khas yang tersebut tidak boleh diadakan.

5. Setiausaha hendaklah menghantar kepada setiap ahli satu salinan Minit Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

FASAL 13 JURUAUDIT

1. Dua (2) orang yang bukan pegawai Pertubuhan hendaklah dilantik dalam tiap-tiap Mesyuarat Agung sebagai Juruaudit.
2. Juruaudit hendaklah memeriksa semua buku Penyata Kewangan Dan Kunci Kira-Kira Tahunan Pertubuhan dan mengesahkan Penyata tersebut dengan membandingkannya dengan akaun dan baucar-baucar berkaitan. Mereka hendaklah menanda-tangani Penyata Kewangan itu yang didapati teratur, betul, sempurna dan disokong dengan resit mengikut Perlembagaan Pertubuhan atau hendaklah melaporkan kepada Pertubuhan apa-apa perkara-perkara yang didapati tidak betul, tidak teratur dan tidak disokong atau tidak mengikut Perlembagaan.
3. Juruaudit hendaklah memeriksa Penyata Kewangan Dan Kunci Kira-Kira Pertubuhan pada bila-bila masa jika difikirkan perlu oleh Pengerusi atau Jawatankuasa.

FASAL 14 PERKARA AM

1. Seseorang ahli boleh menamakan seseorang sebagai orang yang akan menerima Wang Bantuan daripada golongan yang disebutkan ini iaitu suami, isteri, anak (termasuk anak angkat), cucu, ibu, bapa, ibu mertua, bapa mertua, menantu, saudara seibu dan sebapa, saudara seibu atau sebapa, anak kepada saudara seibu dan sebapa, anak kepada saudara seibu atau sebapa, bapa atau ibu saudara seibu dan sebapa, atau anak kepada bapa atau ibu saudara seibu atau sebapa kepada ahli. Seseorang ahli boleh menamakan mana-mana orang selain daripada golongan tersebut di atas dengan syarat beliau menandatangani suatu Akuan Bersumpah yang disaksikan oleh Pesuruhjaya Sumpah.
2. Mana-mana ahli boleh diberi satu salinan Perlembagaan Pertubuhan ini apabila beliau meminta secara bertulis dan membayar wang sebanyak tidak lebih daripada RM5.00 (Ringgit Malaysia: Lima Sahaja).
3. Tiap-tiap ahli hendaklah diberi dengan percuma satu salinan Kunci Kira-Kira, Penyata Penerimaan Dan Perbelanjaan atau penyata kewangan yang lain yang sempurna diaudit apabila mengemukakan permohonan secara bertulis.
4. Buku-buku Pertubuhan ini dan daftar ahli-ahlinya boleh diperiksa oleh sebarang ahli atau seseorang yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam kumpulan wang tabungan Pertubuhan dengan syarat memberitahu Setiausaha 5 hari terlebih dahulu.
5. Ahli-ahli yang ada kemusykilan terhadap pegawai-pegawai Pertubuhan atau Pertubuhan ini boleh mengemukakan kemusykilannya di dalam Mesyuarat Agung dan keputusan Mesyuarat Agung adalah muktamad. Bekas ahli dan mereka yang ada bersangkutan dengan Pertubuhan ini boleh mengemukakan kemusykilan ke dalam Mesyuarat Agung melalui ahli Pertubuhan.
6. Sesuatu perbelanjaan yang melebihi RM2,500 (Ringgit Malaysia: DUA RIBU

LIMA RATUS SAHAJA) tidak boleh dilakukan tanpa kelulusan Jawatankuasa. Sesuatu perbelanjaan yang melebihi RM20,000 (Ringgit Malaysia: DUA PULUH RIBU SAHAJA) tidak boleh dilakukan tanpa kelulusan Mesyuarat Agung. Perbelanjaan RM2,500 (Ringgit Malaysia: DUA RIBU LIMA RATUS SAHAJA) dan ke bawah boleh dibenarkan oleh Bendahari bersama-sama dengan Pengerusi atau Setiausaha dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya. Walau bagaimanapun pembayaran Wang Bantuan di bawah Fasal 7 Perlembagaan tidak tertakluk kepada sekatan ini dan boleh dibayar jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

7. Mana-mana ahli yang sengaja melanggar Perlembagaan Pertubuhan ini atau berkelakuan yang mencemarkan nama baik atau mendatangkan kerugian kepada Pertubuhan ini boleh dipecat daripada menjadi ahli oleh Mesyuarat Jawatankuasa. Sebelum dipecat ahli itu mestilah diberitahu dengan bertulis tentang sebab-sebab dia hendak dipecat dan diberi peluang untuk memberi apa-apa penjelasan yang ada dengan bertulis atau dengan menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan khas untuknya. Jika dua pertiga (2/3) Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat mengundi menyokong pemecatannya maka ahli itu dipecat dengan serta-merta. Walau bagaimanapun, ahli itu boleh, jika tidak berpuas hati merayu kepada Mesyuarat Agung menurut peruntukan perenggan 5 di atas.

8. Mana-mana ahli yang hendak berhenti menjadi ahli Pertubuhan ini hendaklah memberi notis secara bertulis selama empat belas (14) hari kepada Setiausaha dan menjelaskan semua hutangnya, jika ada.

FASAL 15 PENGAMANAH

1. Tiga (3) orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik dalam Mesyuarat Agung (jika difikirkan perlu) dan mereka berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap dan pelaburan Kumpulan Wang Badan Khairat. Seseorang ahli yang memegang jawatan Setiausaha dan Bendahari dalam Pertubuhan ini tidak boleh dilantik menjadi Pengamanah.

2. Satu salinan ketetapan melantik seseorang pemegang amanah yang ditandatangani oleh Pengamanah yang dilantik dan disahkan oleh Setiausaha hendaklah dihantar kepada Pendaftar.

3. Seseorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada dalam negara atau atas alasan lain yang dia tidak boleh menjalankan tugasnya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau perlucutan jawatan bagi seseorang Pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baru yang dilantik dalam Mesyuarat Agung.

FASAL 16 TAFSIRAN

Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung, Mesyuarat Jawatankuasa boleh memberi tafsiran kepada Perlembagaan Pertubuhan dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung dalam Perlembagaan. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa adalah muktamad jika tidak atau sehingga tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

FASAL 17 PINDAAN PERLEMBAGAAN

1. Semua pindaan kepada Perlembagaan hendaklah diluluskan dalam Mesyuarat Agung dengan undi majoriti ahli yang menghadiri mesyuarat. Pindaan bagi mengurangkan Bantuan yang ditetapkan dalam Perlembagaan hanya boleh dibuat dengan persetujuan tiga perempat (3/4) daripada jumlah ahli Pertubuhan melalui undi sulit.
2. Permohonan untuk meminda Perlembagaan hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh enam puluh hari (60) dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung meluluskan pindaan itu. Pindaan itu boleh dikuatkuasakan mulai dari tarikh pindaan tersebut diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 18 PEMBUBARAN

Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan kecuali dengan persetujuan tiga perempat (3/4) daripada ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Khas yang diadakan untuk tujuan tersebut. Apabila keputusan telah dibuat untuk membubarkan Pertubuhan ini, maka segala hutang dan tanggungan yang sah dari segi Perlembagaan hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut keputusan Mesyuarat Agung Khas yang diadakan untuk membuarkan Pertubuhan ini. Pembubaran ini hendaklah diberitahu kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh empat belas hari (14) dari tarikh pembubaran.

FASAL 19 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

1. Bendera



Keterangan

BADAN KHAIRAT KEMATIAN merupakan nama persatuan.

BENTUK KUBAH melambangkan identiti surau.

SURAU AL_FALAH ditulis dalam tulisan rumi dan jawi menunjukkan nama surau.

PERDANA COLLEGE HEIGHTS merupakan lokasi surau.

Warna latarbelakang biru awan melambangkan kedamaian.

2. Lambang



Keterangan

BADAN KHAIRAT KEMATIAN merupakan nama persatuan.

BENTUK KUBAH melambangkan identiti surau.

SURAU AL_FALAH ditulis dalam tulisan rumi dan jawi menunjukkan nama surau.

PERDANA COLLEGE HEIGHTS merupakan lokasi surau.

Warna latarbelakang biru awan melambangkan kedamaian.

3. Lencana



Keterangan

BADAN KHAIRAT KEMATIAN merupakan nama persatuan.

BENTUK KUBAH melambangkan identiti surau.

SURAU AL_FALAH ditulis dalam tulisan rumi dan jawi menunjukkan nama surau.

PERDANA COLLEGE HEIGHTS merupakan lokasi surau.

Warna latarbelakang biru awan melambangkan kedamaian.